

Norihan Binti Anah

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Tuesday, December 19, 2017 12:29 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Projek NBOS-UUM Bina Galeri Seni Khat Al-Maad Untuk Komuniti



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



19 DISEMBER 2017 / 30 RABIULAWAL 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

PROJEK NBOS-UUM BINA GALERI SENI KHAT AL-MAAD UNTUK KOMUNITI



UUM ONLINE: Projek Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) berusaha meningkatkan Kemahiran Seni Khat dalam Projek Baik Pulih Pusat Aktiviti Seni Khat di Rumah Warisan, SMA Al-Madrasah Al-Alalwiyah Ad-Diniyah (ALMAAD), Arau Perlis.

Program anjuran NBOS, University Community Transformation Centre (UCTC), Northern Corridor Research Centre (NCRC) dan Pusat Pengajian Dan Bahasa Moden (SEML), dengan kerjasama Pusat Kokurikulum, Universiti Utara Malaysia (UUM).

Program diketuai jurulatih Ko Kurikulum Unit Kepimpinan Sub Unit Kerohanian, UUM, Dr. Mardzelah Makhsin bersama Dr. Rosnaaini Hamid, Dr. Suhanim Abdullah, Dr. Norazlinda Saad dan Dr. Surendran a/l Sankaran serta 38 mahasiswa sub-unit Kerohanian, Pusat Kokurikulum UUM yang diketuai oleh Nasruddin Madon.

Menurut Dr. Mardzelah Makhsin, projek ini bertujuan menaik taraf Bilik Aktiviti Seni Khat ALMAAD sebagai Galeri Seni Khat yang terletak di Bandar diRaja Arau Perlis untuk kegunaan komuniti dalam melestarikan seni khat sebagai warisan khazanah kesenian Islam.

Katanya, seni khat juga memberi ruang pembelajaran kepada komuniti setempat dalam memperoleh kemahiran seni khat sebagai punca mencari rezeki.

“Selain memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara usaha ini dapat memastikan generasi muda khususnya mempelajari kemahiran khazanah seni tulisan khat *nasakh, kufi, thuluth, diwani, riq’ah* dan *farisi*.

“Khat yang dihasilkan oleh pelajar ALMAAD dengan bimbingan guru-guru khat akan dipamerkan seterusnya dikomersilkan selari dengan trend masa kini yang menjadikan seni tulisan khat sebagai hiasan di dinding rumah, ruangan pejabat dan sebagai cenderamata,” ujarinya yang juga Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden.

Tambahnya, seni khat yang dipelajari menggunakan bahan-bahan seperti ukiran kayu, jubin *sandblasting* dan marmar, lukisan kanvas, cetakan, kertas atau baju-T.

“Dengan semangat berpasukan dalam kalangan mahasiswa dan pelajar sekolah ALMAAD, rumah warisan tersebut berubah wajah dan beberapa bahagian telah dibaik pulih dan pihak sekolah amat berpuas hati dengan hasil kerja pelajar,” katanya.

Sementara itu, Pengetua SMA Al-Madrasah Al-Alalwiyah Ad-Diniah (ALMAAD), Ustaz Abdullah Shafie berkata, hasil seni khat ini perlu dipelajari sebagai kemahiran yang berpotensi menjana sumber pendapatan kepada komuniti.

“Rumah warisan ALMAAD merupakan tempat yang unik untuk dijadikan galeri khat memandangkan rumah yang berusia lebih dari 30 tahun tidak bergiat aktif akibat kekurangan prasarana tetapi masih elok kerana dijaga oleh pihak sekolah,” ujarinya.

Mahasiswa dibahagikan kepada lima kumpulan mengikut tugas antaranya ruangan pameran khat, ruangan pameran sekolah, pejabat lama, dapur lama dan bengkel gerak kerja khat membabitkan aktiviti mengecat dinding, mengemas dan mengelap barangan pameran sekolah dan dekorasi.

Projek ini akan diteruskan oleh pelajar sekolah ALMAAD pada Januari 2018 bagi prasarana bilik pembelajaran seni khat yang dicadangkan di bahagian aras bawah Rumah Warisan ALMAAD.

Kos membaik pulih bilik pembelajaran khat dianggarkan berjumlah RM20,000 dan orang ramai yang ingin menyumbang dalam membangunkan pusat komuniti khat di ALMAAD bolehlah menghubungi Dr. Mardzelah Makhsin melalui email: mazfaniy@uum.edu.my atau di talian 019-573 9393.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.